

PENENTUAN STATUS AIR BANJIR DARI PERSPEKTIF ANALISIS FIQH

The determination of the status of flood water from the Fiqh analysis perspective

Mohd Izzuddin Bin Mohd Noorⁱ Fatimah Nadirah Binti Mohd Noorⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author) Pensyarah Jabatan Syariah, Akademi Pengajian Islam Kolej Universiti Islam Melaka, Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia. mimnpr@gmail.com

ⁱⁱ Pensyarah Jabatan Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Kolej Universiti Islam Melaka, Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia. fatimahnadirah@kuim.edu.my

Article Progress

Received: 29 August 2018

Revised: 20 September 2018

Accepted: 2 November 2018

Abstrak	Abstract
<p><i>Penentuan status mengenai air banjir sangat penting bagi melancarkan urusan mangsa banjir untuk melakukan ibadah. Penulisan ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mengumpulkan maklumat daripada kitab-kitab turath dan kontemporari beserta fatwa-fatwa ulama. Daripada sumber maklumat ini, kemudiannya analisis perbandingan terhadap pandangan-pandangan ini dibuat. Penulisan ini juga akan melihat daripada aspek kesihatan bagi menghasilkan kesimpulan yang betul berkenaan dengan status hukum air banjir. Hasil kajian mendapati, secara umumnya status hukum air banjir ialah ianya tergolong sebagai air yang bersifat suci dan menyucikan dengan menekankan beberapa syarat yang perlu dipenuhi ketika ingin menggunakannya ketika beribadah.</i></p> <p>Kata Kunci: Air Banjir, ibadah, Fiqh, Kesihatan.</p>	<p><i>The determination of the status of flood water is very important for the flood victims in order to perform worship. This writing uses qualitative methods by collecting information from the turath and contemporary books and scholar fatwa. The comparison analysis of these views is made from the sources collected. This article also intends to determine the exact conclusion regarding the status of the flood water from the health aspect. The study found the status of flood water law is classified as pure and purified water by emphasizing some of the conditions that need to be met when using it during worship.</i></p> <p>Keyword(s): Flood water, worship, Fiqh, Health.</p>

PENDAHULUAN

Banjir merupakan fenomena alam yang tidak dapat dielakkan dan amat sinonim dengan negara Malaysia. Ianya saban tahun melanda negara kita terutamanya pada musim tengkujuh di negeri-negeri pantai timur Semenanjung Malaysia. Perkataan banjir membawa maksud kuantiti air yang sangat banyak atau berlebihan yang boleh menenggelamkan sesuatu kawasan yang luas atau harta benda (Ang Kean Hua, 2016). Ianya terjadi daripada taburan hujan yang tinggi dan menyebabkan kawasan tadahan air tidak dapat menampung kuantiti air yang banyak sehingga melimpah ke kawasan lain (Azman Azid et.al, 2015).

Menurut laporan kesan banjir terhadap kesihatan di Eropah, 'Flood' banjir merujuk kepada keadaan di mana berlakunya pengumpulan air di tempat-tempat yang biasanya tidak ditenggelami air (Thomas Jakubicka et.al, 2010). Manakala dalam Bahasa Arab pula, terdapat dua perkataan yang biasanya digunakan untuk mewakili banjir iaitu, 'Faidhonat' (فيضانات) dan 'Suyul' (سيول). 'Faidhonat' bermaksud, peningkatan tinggi paras air di sungai atau lembah wadi daripada tebingnya (Al-Sarwa, 2011). Manakala 'Suyul' bermaksud, pergerakan air hujan ke permukaan tanah daripada kawasan yang tinggi ke kawasan yang rendah (Janan Husin, 2013).

Banjir berlaku dalam banyak keadaan; Dari sudut masa; banjir boleh berlaku dalam tempoh yang agak lama untuk surut seperti seminggu atau sebulan, dan banjir yang berlaku untuk tempoh masa yang singkat seperti banjir kilat di Kuala Lumpur. Dari sudut saiz; banjir yang melibatkan kuantiti air yang sangat banyak dan kawasan yang luas melangkaui sempadan daerah, dan banjir yang melibatkan kuantiti air yang sedikit, bersifat setempat. Dari sudut jenis; banjir boleh berlaku dalam bentuk seperti banjir pantai, banjir kilat, banjir sungai, banjir air bawah tanah, dan banjir pembentungan (Ang Kean Hua, 2016).

Bencana banjir dari perspektif Islam berlaku disebabkan dua faktor besar iaitu faktor semulajadi alam yang melibatkan kekuasaan Allah SWT, dan sikap kerakusan manusia itu sendiri yang mengabaikan tanggungjawab dan amanah sebagai khalifah Allah SWT untuk menjaga dan memakmurkan bumi ini dengan sebaik-baiknya. Namun, apabila hutan ditebang untuk tujuan pembalakan dan pertanian, kemungkinan untuk berlakunya banjir sangat tinggi, apabila mitigasi banjir secara semulajadi berkurangan (Noorazuan Md Hashim e.t al, 2011). Selain itu, pembangunan yang tidak terancang secara betul yang mana air hujan terhalang daripada memasuki tanah juga telah menyebabkan banjir (Siti Nurul Annisa Temrin e.t al, 2017).

Sesuatu yang tidak dapat disangkal lagi, bahawa kesan banjir kepada kehidupan manusia sangat besar. Ianya merangkumi kesan kepada jiwa dan perasaan, nyawa, dan harta benda. Banjir telah menyebabkan ribuan mangsanya berada dalam keadaan kesedihan, kemurungan, dan trauma. Mangsa banjir kebiasaannya akan mengambil masa yang lama untuk pulih seperti sediakala dan

bangkit membina kehidupan yang baru(Norizan Yusof, 2016). Mereka juga berada dalam ketakutan jika banjir yang berlaku akan berulang kembali menimpa mereka(Sarina Yusoff et.al, t.t).

Fenomena banjir juga telah meragut dan mengorbankan ribuan nyawa manusia, serta telah merosakkan banyak harta benda. Sebagai contoh, banjir besar di Malaysia pada tahun 2014 telah menyebabkan kerugian melebihi 1 bilion(Noremy Md Akhir et. al, 2017). Banjir juga telah memusnahkan hasil tanaman petani dan pesawah yang telah berusaha keras membanting tulang mengusahakan tanaman masing-masing(Khairul Hafifi Maidin et.al, 2015).

KAJIAN LEPAS

Berdasarkan pencarian pengkaji, terdapat dua kajian lepas yang mempunyai kaitan secara langsung dengan penulisan berkaitan status air banjir. Kajian Habibah Abdul Wahid(2015) menyebutkan bahawa kedudukan air banjir sebagai alat untuk bersuci dan minuman bergantung kepada bau, warna dan rasa air banjir. Dalam kajian yang lain, Habibah Abdul Wahid(2016) menyarankan agar mangsa banjir perlu memahami keutamaan dalam penggunaan air dalam kerangka Maqasid Al-Shariah. Manakala menurut Mohamad Afifuddin Ibrahim dan lain-lain(2015), kajian sebegini boleh menjadi panduan dan rujukan kepada mangsa banjir di negara seperti Malaysia ketika ingin melaksanakan ibadah. Terdapat kajian lepas seperti yang dinyatakan oleh Sharifah Hanis Yasmin Sayid Abdullah et.al (2015) bahawa air banjir juga terdedah kepada bahan kimia serta sisa toksik apabila kawasan banjir berhampiran dengan kawasan perindustrian dan perkilangan. Bagi Noremy Md Akhir(2017), kandungan air banjir boleh mengundang risiko penyakit alahan kulit seperti bengkak, biji-biji merah serta gatal-gatal di tangan serta kaki. Namun, dengan kecanggihan teknologi pada hari ini, air banjir juga boleh dirawat dan ditukarkan menjadi air yang bersih melalui mesin penapis yang telah dihasilkan oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam seperti UTM(MOSTI, 2015). Justeru, penentuan status air banjir sangat penting kerana sebagaimana yang kita sedia maklum, air merupakan bahan asas untuk semua orang Islam menjalankan Ibadah yang wajib dilakukan walaupun berdepan dengan apa keadaan sekalipun termasuk dalam keadaan banjir. Penggunaan air dalam berwudhuk dan dan mandi wajib, sebagai contoh, mestilah didahulukan berbanding dengan debu sebagai alat bertayammum, menggantikan wudhuk dan mandi wajib. Ini adalah kerana menggunakan air adalah hukum asal(azimah) yang mesti dilakukan semampu yang boleh (Harmy Mohd Yusof et.al, 2011).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini, berbentuk kualitatif dengan pengkaji mendapatkan maklumat daripada sumber dan bahan rujukan seperti buku-buku, artikel serta kajian ilmiah yang mempunyai kaitan langsung dengan bencana banjir, kesan buruk air banjir dan

hukum dan fatwa berkenaan dengan air banjir. Semua maklumat ini, kemudiannya dianalisa dari perspektif fiqh yang anjal bagi menghasilkan kesimpulan yang betul berkenaan dengan status hukum air banjir.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Secara umumnya, air terbahagi kepada beberapa bahagian dan jenis. Menurut mazhab Hanafi, air terbahagi kepada lima iaitu, suci dan menyucikan tidak makruh, suci dan menyucikan tetapi makruh, suci tetapi tidak menyucikan, najis, dan air yang diragui akan kesuciannya (Al-Shurunbulali, 2005). Dalam mazhab Maliki pula, air terbahagi kepada enam iaitu, suci menyucikan, suci tidak menyucikan, suci tetapi diperselisihkan pada penyuciannya, dipertikaikan kesuciannya, dan dipertikaikan adakah ianya najis atau suci menyucikan (Al-Lakhmi, 2011). Mazhab syafie pula mengatakan bahawa, air mempunyai empat jenis iaitu, suci menyucikan, suci menyucikan tetapi makruh, suci tidak menyucikan, bernajis (Al-Hishni, 2001). Pada pandangan mazhab Hanbali, air terbahagi kepada tiga jenis, suci menyucikan, suci, dan bernajis (Al-Bahuti, t.t).

Daripada pembahagian ini, air banjir mungkin boleh dikategorikan sebagai air yang diragui akan kesuciannya seperti yang dinyatakan dalam mazhab Hanafi ataupun sebagai air yang dipertikaikan kesuciannya atau air yang dipertikaikan adakah ianya najis atau suci menyucikan dalam mazhab Maliki. Perbezaan pandangan ini sebenarnya bukanlah suatu perkara yang besar memandangkan ulama mazhab hanya berbeza dalam huraian cabang jenis air dan contohnya sahaja, bahkan mereka sebenarnya sepakat bahawa air terbahagi kepada 3 jenis yang utama iaitu suci menyucikan, suci tidak menyucikan, dan bernajis (Al-Juzairi, 2003).

Sebagaimana yang diketahui, secara umumnya air banjir berasal daripada hujan, sungai dan air hujan dan air sungai merupakan sebahagian daripada jenis air mutlaq iaitu bersifat suci dan menyucikan (Al-Kasani, 1986, Al-Shirazi, t.t). Dari sudut ini, secara zahirnya, air banjir merupakan air yang suci dan menyucikan, tetapi ianya telah berubah warnanya menjadi kuning, keruh disebabkan bercampur dengan tanah dan benda-benda yang lain sehinggakan ianya diragui akan status kesuciannya. Maka, ini menjadi asas pertimbangan dalam penentuan status air banjir sama ada ianya boleh digunakan untuk bersuci atau tidak dalam urusan ibadah. Air banjir mungkin juga termasuk dalam kategori bab pengecualian air yang suci menyucikan.

Mengikut Ibnu Daqiq Al-Eid, tiga sifat air yang boleh digunakan untuk bersuci boleh diketahui dengan melihat warnanya dengan mata, rasa dengan perasaan, dan bau dengan ciuman (Ibnu Daqiq Al-Eid, 1995). Bahkan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah, Nabi SAW bersabda:

“Air tidak dapat dinajiskannya oleh sesuatu pun kecuali apa yang boleh mengubah baunya, rasanya, dan warnanya.”

Hadis ini boleh menjadi penentu status hukum sesuatu jenis air, namun ianya tidaklah terpakai dalam semua keadaan. Walaupun berlaku perubahan dari sudut warna air banjir sebagaimana yang telah disebutkan, namun Al-Nawawi mengatakan bahawa air yang berubah disebabkan air tersebut tidak dapat dipisahkan daripada sesuatu seperti tanah, kiambang, sulfur kerana ianya berada di permukaan atau laluan air tersebut, air tersebut dikira sebagai air suci dan menyucikan (Al-Nawawi, 1991).

Pandangan Al-Nawawi ini telah menjelaskan bahawa tidak semua air yang pada asalnya air mutlaq, kemudian berubah warna asalnya disebabkan bercampur sesuatu yang bersifat semulajadi, dikira sebagai air yang tidak suci lagi menyucikan. Maka, hal ini boleh diqiaskan kepada air banjir yang telah bercampur dengan tanah.

Air yang turun daripada langit, berada di bumi, dikira sebagai air yang suci menyucikan walaupun berubah warnanya, rasanya, dan baunya walaupun ianya bercampur dengan benda yang lain seperti tanah (Al-Qurtubi, 1964).

"Air yang bercampur dengan tanah, dilihat keadaannya, jika tanahnya sedikit, maka harus berwudhuk dengannya, jika sekiranya tanahnya terlampau banyak, sehingga tidak mengalir air di atas anggota badan, maka tidak harus berwudhuk dengannya, kerana ianya telah menjadi tanah liat dan bukannya lagi tanah." (Zaidan, 1993).

Terdapat juga fatwa yang mengharuskan penggunaan air banjir untuk berwudhuk. Fatwa ini telah disebutkan dalam kitab Al-Fatawa Al-Hindiyyah seperti berikut:

"Jika engkau berwudhuk dengan air banjir, hukumnya adalah harus walaupun air banjir itu bercampur dengan tanah" (Al-Balkhi, t.t).

Berdasarkan kepada fakta ini, pengkaji berpandangan bahawa, status hukum asal air banjir itu ialah suci dan menyucikan, maka diharuskan untuk bersuci dengannya iaitu diharuskan untuk berwudhuk, mandi wajib dan membersihkan najis dengan menggunakan air banjir. Pertukaran warna dan rasa pada air banjir termasuk dalam bab pengecualian air mutlaq dan ianya dimaafkan serta termasuk dalam bab umum balwa.

Namun, sebagaimana yang diketahui juga, air banjir bukannya hanya bercampur dengan tanah, dan pasir sahaja, tetapi air banjir juga boleh bercampur dengan sampah, kotoran dan najis sehingga boleh merubah bau air tersebut. Apabila telah berlaku perubahan bau pada air banjir tersebut, iaitu air banjir tersebut telah berbau busuk, maka air banjir tersebut tidak boleh digunakan lagi untuk bersuci.

Ini adalah kerana air banjir tersebut telah bertukar daripada air mutlaq kepada air mutannajis. Air mutannajis ialah air yang terjatuh najis ke dalamnya (Mustofa khin, et.al, 1998), terbahagi kepada dua jenis :

Yang pertama: air mutlaq yang sedikit, jatuh ke dalamnya najis walaupun tiada perubahan salah satu sifatnya,

Yang kedua: air mutlaq yang banyak, jatuh ke dalamnya najis serta berlaku perubahan salah satu sifatnya.

Para ulama bersepakat mengatakan bahawa jenis yang kedua adalah najis, manakala bagi jenis yang pertama, ianya najis pada pandangan 3 mazhab selain mazhab Maliki (Ibnu Rusyd, 2004, Ibnu Qudamah, t.t).

Walaupun terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan ulama berkenaan jenis air yang pertama, bagi pengkaji dalam isu seperti banjir ini, konsep rukhsah dan kemudahan haruslah diterima pakai. Hal ini bertepatan dengan ruh syarak yang menginginkan kemudahan dan bukannya kesusahan kepada Orang Islam. Kaedah fiqh menggagaskan 'kesusahan membawa kepada keringanan' (Al-Subki, 1991). Maka air banjir yang sedikit walaupun telah dimasuki najis dan tiada perubahan pada sifat air tersebut, maka ianya masih lagi dihukumkan sebagai air mutlaq. Ini bersesuaian dengan apa yang disebutkan Al-Ghazali dalam kitab Ihya' bahawa air yang sedikit dimasuki najis dan tidak berubah salah satu sifatnya, maka ianya dikira sebagai air mutlaq (Al-Ghazali, t.t). Pandangan ini akan memberikan keringanan kepada mangsa banjir untuk bersuci ketika keadaan darurat berlakunya banjir.

Manakala air banjir yang telah menjadi air mutannajis yang sebenar (daripada jenis yang kedua) tidak boleh digunakan untuk bersuci iaitu sama ada untuk berwudhuk dan mandi wajib serta membersihkan najis. Perubahan bau yang tidak menyenangkan, adalah sesuatu perkara yang tidak dimaafkan, kerana ianya menjadi bukti yang nyata bahawa air itu telah berubah daripada air yang sifatnya suci menyucikan kepada air yang bernajis. Pada pandangan pengkaji, inilah hukum air banjir dari sudut hukum fiqh secara umumnya.

Namun, untuk menentukan status hukum air banjir yang lebih tepat, isu ini juga haruslah dinilai daripada sudut perubahan dan kesihatan yang boleh juga mempengaruhi dan mengubah hukum fiqh yang dinyatakan seperti di atas. Sesuatu yang tidak dapat disangkal lagi, air banjir merupakan air yang tercemar, dan penggunaannya akan mempengaruhi kesihatan badan manusia apabila terdedah dengan pelbagai penyakit bawaan air yang berjangkit seperti kolera, demam kepialu, dan penyakit kencing tikus (Zummy Dahria Mohamed Basri et.al, 2015) (Ralph Mitchell et.al, t.t). Air banjir ini juga tercemar disebabkan bercampur dengan najis dan bangkai haiwan ternakan, yang boleh mengundang penyakit berjangkit yang lain. (Weiwei Du et.al, 2010)

Dengan itu, jika air banjir boleh memberikan kemudahan kepada tubuh badan apabila dimasukkan ke dalam tubuh badan atau diminum, maka ianya adalah jelas haram dan wajib ditinggalkan. Bagaimanapun, jika air banjir itu tidak memberikan kemudahan kepada kawasan di luar badan, maka ianya harus dan tidak haram untuk digunakan (Habibah Abdul Wahid et.al, 2015). Hal ini semua berdasarkan kaedah fiqh yang menyebutkan kemudahan mestilah dihilangkan (Al-Subki, 1991).

Daripada sini, perlulah dibezakan dua hukum iaitu, hukum menggunakan air banjir untuk bersuci, dan hukum menggunakan air banjir untuk minum. Air banjir kebiasaannya tercemar, namun air yang tercemar dengan bakteria dan kuman, tidak

semestinya dihukumkan sebagai air mutannajis. Maka jika air banjir itu, memenuhi syarat sebagai air yang suci menyucikan, dan tidak memudaratkan manusia dalam semua aspek penggunaan, maka ianya harus digunakan (Al-Suhaibani, 2008). Hal ini mungkin terjadi apabila mesin penapis air banjir sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini, dapat disalurkan ke pusat-pusat pemindahan banjir. Namun, jika sekiranya mesin atau alatan sebegini tiada, atau tidak dibekalkan di pusat-pusat pemindahan banjir, mangsa banjir seharusnya lebih awal mempunyai ilmu berkenaan dengan fiqh air banjir, bagi memudahkan mereka menyelesaikan permasalahan berkenaan ketika ingin melakukan ibadah.

PENUTUP

Kesimpulannya:

- 1- Tujuan penggunaan air banjir perlu dibahagikan kepada dua perkara, iaitu air yang digunakan untuk bersuci dan air yang digunakan untuk minum. Jika air banjir tersebut boleh digunakan untuk minum, maka ianya boleh digunakan untuk bersuci. Namun jika air banjir tersebut tidak boleh diminum, ada kemungkinan juga ianya boleh digunakan untuk bersuci.
- 2- Secara umumnya, terdapat tiga keadaan air banjir, iaitu:
 - A- Air banjir yang bercampur dengan tanah. Air banjir daripada kategori ini dihukumkan sebagai air yang suci dan menyucikan kerana baunya tidak berubah walaupun warnanya berubah. Maka diharuskan kepada mangsa banjir, menggunakan air banjir daripada jenis ini untuk mengangkat hadas seperti berwudhuk, mandi wajib dan untuk membersihkan najis seperti beristinjak jika sekiranya tiada sumber air bersih yang lain. Namun jika sekiranya wujud sumber air bersih yang lain, seperti wujudnya lori yang membawa bekalan air bersih, adanya pengagihan air mineral, maka lebih baik bagi mangsa banjir meninggalkan air banjir daripada kategori yang pertama ini, dan menggunakan air bersih yang telah dibekalkan. Makruh menggunakan air banjir daripada kategori yang pertama dalam keadaan sebegini. Ini adalah kerana terdapat juga kemungkinan air yang bercampur dengan tanah ini, sudah tercemar dan akan mendatangkan kemudaratkan. Begitu juga, air kategori yang pertama ini tidak harus sama sekali diminum.
 - B- Air banjir yang bercampur bukan hanya dengan tanah, tetapi turut bercampur dengan sampah, kotoran, najis sehingga telah berubah bau air tersebut. Apabila air tersebut telah berubah baunya kepada bau yang

busuk, maka secara langsungnya, air tersebut tidak boleh digunakan untuk bersuci dan minum kerana telah menjadi air mutannajis.

- C- Air banjir yang tercemar dengan bakteria, kuman dan bahan kimia boleh mengundang pelbagai penyakit jika digunakan. Air banjir daripada kategori ini, boleh digunakan untuk bersuci selagi mana tidak mendatangkan kemudharatan pada bahagian luar badan. Ianya bolehlah diqiaskan kepada air musyammas. Untuk minum, mangsa banjir tidak diharuskan sama sekali untuk minum air banjir daripada kategori yang ketiga ini, kerana air banjir tersebut telah tercemar dan akan memberikan kemudharatan kepada tubuh badan manusia melainkan dalam keadaan telah dirawat dan dibersihkan. Namun mangsa banjir juga dinasihatkan supaya berhati-hati dalam keadaan sebegini bagi mengelakkan sebarang kemungkinan yang boleh berlaku ketika bersuci dan minum menggunakan air banjir.

RUJUKAN

- Al-Bahuti, Mansur bin Yunus. t.t. *Kasyaful Qana 'An Matn Iqna'*, t.t: Dar Al-Kutub Al-Ilmiah.
- Al-Balkhi, Nizamuddin. t.t. *Al-Fatawa Al-Hindiyyah*, t.t: Dar Al-Fikr.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. t.t. *Ihya Ulum Al-Din*, Beirut: Dar Al-Makrifah.
- Al-Hishni, Abu Bakar bin Muhammad. 2001. *Kifayah Al-Akhyar Fi Hilli Ghayah Al-Ikhtisar*, Damsyik: Dar Al-Basyair.
- Al-Juzairi, Abdul Rahman bin 'Iwad. 2003. *Al-Fiqh 'Ala Al-Mazahib Al-Arbaah*, Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiah.
- Al-Kasani, Abu Bakar bin Mas'ud. 1986. *Badai' Sonai' Fi Tartib Al-Syara'ie*, t.t: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiah.
- Al-khin, Mustafa, Al-Bugha, Mustafa, Al-Syarbaji, Ali. 1998. *Kitab Fikah Mazhab Syafie*, Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Al-Lakhmi, Ali bin Muhammad. 2011. *Al-Tabsirah*, Qatar: Wizarah Al-Awqaf Wa Al-Syuun Al-Islamiah.
- Al-Nawawi, Yahya bin Syaraf. 1991. *Raudah Al-Talibin Wa Umdah Al-Muftin*, Beirut: Al-Maktab Al-Islami.
- Al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad. 1964. *Al-Jami' li Ahkam Al-Quran*, Kaherah: Dar Al-Kutub Al-Misriah.
- Al-Sarwa, Ahmad. 2011. *Al-Mulawathat Al-Thobi'iyah wa Al-Sinaah*, Kaherah: Al-Maktabah Al-Akademiyyah.
- Al-Shirazi, Ibrahim bin Ali. t.t. *Al-Muhazzab fi Al-Fiqh Al-Syafie*, t.t: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiah.

- Al-Subki, Abdul Wahab bin Taqi Al-Din. 1991. *Al-Ashbah Wa Nazair*, t.t: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiah.
- Al-Shurunbulali, Hasan bin Ammar. 2005. *Maraqih Al-Falah Syarh Matan Nur Al-Idah*, t.t: Al-Maktabah Al-Asriah.
- Al-Suhaibani, Abdullah bin Umar. 2008. *Ahkam Al-Biah fi Al-Fiqh Al-Islami*, Riyadh: Dar Ibnu Al-Jauzi.
- Al-Zuhaili, Wahbah. 2002. *Fiqh & Perundangan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ang Kean Hua. 2016. *Persepsi Masyarakat Terhadap Bencana Banjir Monsun Di Malaysia: Kajian Kes Kota Bharu, Kelantan*. Malaysian Journal of Society and Space. Vol 9. Georgafia UKM.
- Ash-Shiddieqy, Hasbi. 1980. *Hukum-Hukum Fiqah Islam Siri 1*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Habibah Abdul Wahid, Nurhidayah Muhamad Sharifuddin, Mohd Anuar Ramli. 2015. *Penggunaan Air Banjir Ketika Bencana Banjir: Kajian Menurut Perspektif Halal Haram*. Proceedings of the 2th International Convention on Islamic Management 2015.
- Harmy Mohd Yusof, Syamsul Kamal Abdullah, Rosediani Muhamad, Wan Nor Ainon Wan Abdullah. 2015. *Fikah Perubatan*, Selangor: PTS Millenia.
- Ibnu Daqiq Al-Eid, Muhammad bin Ali. 1995. *Ihkam Al-Ihkam Syarh Umdah Al-Ahkam*, t.t: Dar Al-Jil.
- Ibnu Majah, Muhammad bin Yazid. 2009. *Sunan Ibnu Majah*, t.t: Dar Al-Risalah.
- Ibnu Qudamah, Abdullah bin Ahmad. t.t. *Al-Mughni*, t.t: Maktabah Al-Kaherah.
- Ibnu Rusyd, Muhammad bin Ahmad. 2004. *Bidayatul Mujtahid wa Nihayatul Muqtasid*, Kaherah: Dar Al-Hadis.
- Khairul Hafifi Maidin, Nor Amna Mohammad Nor dan Mohd Syauqi Nazmi. 2015. *Kesan Banjir Terhadap Pengeluaran Padi dan Sosioekonomi Petani*. Economic and Technology Management Review. Vol 10. MARDI.
- Mohamad Afifuddin Ibrahim, Irwan Mohd Subri dan lain-lain. 2015. *Fiqh Issues of Flood: A Study In Temerloh, Pahang*. Prosiding Seminar Fiqh Semasa (SeFis) 2015. UFRC.
- Mohd Ekhwan Toriman, Mohd Khairul Amri Kamarudin dan lain-lain. 2015. *Bencana Banjir Kupasan Pelbagai Perspektif*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Noorazuan Md Hashim, Sulong Muhamad, Kadaruddin Aiyub, Norhayati Yahya. 2011. *Pembangunan Tanah Hutan Dan Fenomena Banjir Kilat: Kes Sungai Lembing, Pahang*. Jurnal e-Bangi. Vol 6. UKM.
- Noremy Md Akhir, Azlinda Azman, Nazirah Hassan, Nur Hafizah Akhir. 2017. *Kajian Penelitian Masalah Mangsa Bencana Banjir Disember 2014 Di Kelantan*. Journal of Social Sciences and Humanities. Vol 3. UKM.

- Norizan binti Yusof. 2016. *Pengurusan Elemen Psikologikal Sebagai Persediaan Menghadapi Banjir: Satu Kajian Kualitatif Terhadap Mangsa Banjir Di Kelantan*. Jurnal Psikologi Malaysia.
- Ralph Mitchell, Ji-Dong Gu. t.t. *Environmental Microbiology*, New Jersey: Wiley-Blackwell.
- Sarina Yusoff, Rahimah Abdul Aziz. t.t. *Bencana Alam dan Impak Banjir Besar 2014 Terhadap Komuniti Tempatan di Hulu Dungun, Terengganu: Satu Perspektif Sosiologi Bencana*. USM.
- Shibir, Muhammad Uthman. 2007. *Al-Qawaid Al-Kuliyah Wa Al-Dhawabit Al-Fiqhiyyah Fi Al-Syariah Al-Islamiah*, 'Amman: Dar Al-Nafais.
- Siti Nurul Annisa Temrin, Azahan Awang. 2017. *Bencana Banjir dan Tahap Pengetahuan Penduduk Terhadap Pengurusan Banjir di Serian Sarawak*. Malaysian Journal of Society and Space. Vol 13. Geografia UKM.
- Thomas Jakubicka, Femke Vos, Revati Phalkey, Michael Marx. 2010. *Health Impacts of Floods in Europe*. Brussels: Catholic University of Louvain.
- Weiwei Du, Gerard Joseph FitzGerald, Michele Clark, Xiang-Yu Hou. 2010. *Health Impacts of Floods*. Prehospital and Disaster Medicine. Vol 25. Queensland University of Technology.
- Zaidan, Abdul Karim. t.t. *Al-Mufasal Fi Ahkam Al-Mara'ah*, Beirut: Muassah Al-Risalah.
- Zummy Dahria Mohamed Basri, Zulhafizal Othman, Marfiah Ab. Wahid. 2015. *Detection of Pathogenic Bacteria in Flood Water*. Proceedings of International Symposium on Flood Research and Management (ISFRAM) 2014.
<http://sites.alriyadh.com/alyamamah/article/969098>(diakses pada 28 Jun 2018).
- http://www.academia.edu/29020627/Penggunaan_Air_Untuk_Bersuci_Ketika_Bencana_Banjir_Menurut_Perspektif_Maqasid_al-Shari_ah(diakses pada 28 Jun 2018)
- http://www.cybersecurity.my/data/content_files/44/1437.pdf?.diff=1414558216(diakses pada 22 Oktober 2018).
- <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2015/01/03/banjir-1-bilion/>(diakses pada 16 Mei 2017).
- <http://www.utm.my/news-clipping/category/utusan/page/14/>(diakses pada 22 Oktober 2018).
- <http://www.utusan.com.my/berita/nahas-bencana/utm-cipta-mesin-8232-tapis-air-mudah-alih-1.48394>(diakses pada 29 Jun 2018).
- <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/penapis-ultrafiltration-berjaya-8232-8216-selamatkan-8217-700-mangsa-banjir-1.61467>(diakses pada 29 Jun 2018).
- <http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/kaunselor-bantu-pulih-psikologi-mangsa-banjir-1.440788>(diakses pada 28 Jun 2018).

<https://engine.um.edu.my/media/articles/2015/lists/listsProvider16/news-2015/feb-20-2015-inisiatif-um-tapis-air-sungai-untuk-di-minum>(diakses pada 22 Oktober 2018).

<https://www.thestar.com.my/opinion/letters/2014/11/08/deforestation-the-cause-of-flood/>(diakses pada 12 Februari 2018).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.